

## DS 1 PENYEDIAAN ASAS INFRASTRUKTUR YANG INKLUSIF

Cadangan inisiatif bagi penyediaan asas infrastruktur desa adalah melibatkan lapan (8) tindakan strategik bagi mencapai perancangan Desa Sejahtera. Perincian tindakan dan program adalah sebagaimana berikut:

### DS 1.1: Penyediaan Bekalan Air Bersih yang Mencukupi dan Berterusan

#### CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

##### Justifikasi Cadangan:

- Menyediakan bekalan air bersih dan terawat agar taraf kesihatan dan kualiti hidup masyarakat di kawasan luar bandar dapat dipertingkatkan.
- Memberi sokongan kepada aktiviti industri asas tani dan IKS makanan masyarakat setempat dengan menyediakan bekalan air bersih dan terawat.
- Selaras dengan sasaran dasar PPMJ 2030 bagi membolehkan 100% penduduk desa menikmati bekalan air bersih 24 jam sehari sepanjang tahun menjelang 2026.
- Selaras dengan aspirasi DPLB 2030 dan DPF Desa Negara 2030 bagi membolehkan 100% penduduk desa mendapat bekalan air bersih terawat yang berterusan dan mencukupi menjelang 2030.

##### Komponen Cadangan:

- Menaiktaraf sistem bekalan air di perkampungan.
- Menambahbaik kaedah pengurusan penyelenggaraan sistem secara berpusat bagi sistem bekalan alternatif.
- Menyediakan infrastruktur sistem pengagihan dan retikulasi paip bekalan air.

##### Kaedah Pelaksanaan:

- Pelaksanaan terus oleh agensi pelaksana.
- Pejabat Daerah dijadikan pusat aduan dan pemantauan kerja-kerja penyelenggaraan sistem bekalan air alternatif.

#### CADANGAN LOKASI

Cadangan ini melibatkan **1 kampung**.

Daerah	Kampung Dalam Bandar	Kampung Luar Bandar
Johor Bahru	1	-
Kulai	-	-
Kota Tinggi	-	-
Pontian	-	-


#### AGENSI PELAKSANA

Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pejabat Daerah</li> <li>• JPKK</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPLB</li> <li>• BPEN Johor</li> <li>• Ranhill SAJ</li> </ul>


#### ANGGARAN KOS

- Kos Pembinaan Tangki Sedutan = RM 500,000
- Kos Pembinaan Tangki Pembahagian = RM 1,000,000
- Kos Rumah Pam & Peralatan = RM 1,000,000
- Kos Paip Retikulasi: RM 2,000,000
- Jumlah anggaran kos terlibat = RM 4,500,000

#### FASA PELAKSANAAN



Rajah 5.1: Cadangan Penyediaan dan Peningkatan Agihan Bekalan Air



Daerah	Mukim	Kampung	Kawasan Terlibat	Bil. Rumah
Johor Bahru	Sg. Tiram	Kg. Seri Perdana	Keseluruhan kawasan kampung	61

Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 1: Johor Selatan), 2019